

20/04/1998

PM rasmi pameran udara Langkawi

LANGKAWI, Ahad - Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dijangka merasmikan Langkawi Air Carnival '98 pada 3 Disember depan, acara yang diharap dapat mempromosi pulau lagenda ini sebagai pusat pameran perdagangan dan kegiatan sukan berkaitan bidang penerbangan utama di rantau sebelah sini.

Acara terbesar tahun ini selain Pameran Udara dan Maritim Antarabangsa (Lima) yang diadakan setiap dua tahun itu juga akan diadakan di Lapangan Terbang Antarabangsa Langkawi (LTAL) di Padang Matsirat, dekat sini.

Konsep bagi acara yang dijangka berlangsung selama empat hari itu seperti pertunjukan udara Experimental Aircraft Association (EAA) yang diadakan setiap tahun di Oshkosh, Wisconsin, Amerika Syarikat.

Timbalan Yang Dipertua Majlis Daerah Langkawi, Mansor Ismail, berkata peminat acara microlite, rotocraft berpeluang menghadiri simposium bersama peminat dari luar negara.

(END)